



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

## **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 11 Tahun 2017**

### **PEPERIKSAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)**

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai bayaran yuran peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK).

#### **LATAR BELAKANG**

1. Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) telah diterima pakai di UiTM berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1999 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2001 berkenaan keputusan kerajaan untuk memberi insentif kepada Pembantu Akauntan, Pembantu Tadbir Kewangan, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang menjalankan tugas dalam bidang kewangan sebagai galakan untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam tugas pengurusan kewangan.
2. Peperiksaan ini juga diadakan hasil cetusan mesyuarat Bendahari-Bendahari Universiti Awam bertujuan untuk memastikan undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan IPTA difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan IPTA.
3. Peperiksaan BITK ditawarkan bagi melayakkan calon yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan (tanpa sijil peperiksaan BITK) untuk menerima bayaran elaun BITK sebanyak RM80.00 sebulan (dengan sijil peperiksaan BITK).
4. Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia Bil.7/2016 pada 12 Oktober 2016 telah membuat keputusan berkaitan pelaksanaan bayaran yuran peperiksaan BITK bagi menggalakkan staf berusaha lebih gigih dan menjamin kesungguhan calon untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang sekaligus melayakkan calon menerima insentif.

## PELAKSANAAN


5. Universiti hanya akan membiayai yuran peperiksaan sebanyak RM50.00 seorang kepada calon yang memohon menduduki peperiksaan untuk kali pertama dan kedua sahaja.
6. Calon yang gagal untuk hadir tanpa sebab yang munasabah, bayaran caj RM50.00 akan dikenakan kepada calon berkenaan.
7. Sekiranya calon telah menduduki peperiksaan melebihi dua (2) kali, pembiayaan adalah tanggungan sendiri dan calon diminta untuk berurusan di Unit Kewangan Zon 2.

## TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada 8 Mac 2017.

## TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.



**AZIDA AZMI**

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT. 6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil.11/2017)